Halim Securities Sdn Bhd lwn Tan Sri Dato' Tan Kok Ping

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO D1-22-511 TAHUN 1999
MOHD GHAZALI H
12 MAC 2001

Syarikat dan Perbadanan *— Guaman oleh syarikat — Syarikat di bawah pengurusan Danaharta Nasional Bhd — Sama ada boleh memulakan tindakan untuk mendapat kembali hutang syarikat — Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 ss 24, 31, 32 & 33*

Plaintif adalah sebuah syarikat broker saham dan ahli Bursa Saham Kuala Lumpur ('syarikat tersebut') and defendan merupakan pelanggan plaintiff. Melalui satu surat tawaran dan satu perjanjian, plaintiff bersetuju untuk memberi kepada defendan kemudahan berniaga margin yang terhad kepada jumlah RM18 juta ('kemudahan tersebut'). Plaintif kemudiannya memfailkan tindakan ini dan menuntut defendan telah memungkiri terma dan syarat kemudahan tersebut, iaitu, defendan gagal dan/atau cuai untuk menyelesaikan jumlah yang terhutang yang kena dibayar di bawah terma kemudahan tersebut dan di samping gagal mengendalikan akaunnya degan memuaskan. Defendan telah memasuk kehadiran bersyarat dan memohon perintah mahkamah bahawa writ saman yang difailkan oleh plaintif diketepikan menurut A 12 k 7 Kaedah-Keadah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Permohonan defendan telah bersandar ke atas alasan bahawa plaintiff tidak berkuasa dan layak untuk membuat dan memulakan tuntutan sebagai yang dituntutkan dalam writ saman sebab plaintif telah diambil oleh pentadbir khas mengikut ss 24, 31, 32 dan 33 Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 ('Akta tersebut') dan bahawa writ saman tidak mematuhi KMT. Soalan di hadapan mahkamah adalah sama ada pertikaian yang ditimbulkan oleh defendan berasas.

Diputuskan:

(1) Mahkamah telah meneliti peruntukan Akta tersebut dan tidak dapat mengesan peruntukan manakah di bawah Akta tersebut yang menghalang plaintiff membawa tindakan terhadap penghutangnya walaupun pentadbir khas telah dilantik baginya (lihat ms 211H).

(2) Walaupun pentadbir khas telah dilantik di bawah Akta tersebut bagi sesuatu syarikat, syarikat tersebut masih wujud dan tidak dihalang daripada membawa tindakan undang-undang untuk mengutip hutangnya. Lembaga pengarahnya juga boleh berfungsi seperti biasa tertakluk kepada s 33 Akta tersebut. Apa yang jelas ialah syarikat tersebut masih merupakan entiti undang-undang dan tidak dihalang oleh Akta tersebut daripada

mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutangnya (lihat ms 212A–B); *BSN Merchant Bank Bhd v George a/l Thomas* [2000] 3 MLJ 191 diikut. A

(3) Isu sama ada syarikat tersebut perlu mendapat kebenaran pentadbir khas sebelum memfailkan writ saman untuk menuntut hutangnya adalah isu dalaman dan tidak berkaitan langsung dengan defendan. Tujuan pentadbir khas dilantik adalah untuk menguruskan syarikat tersebut yang menghadapi masalah pinjaman. Kesimpulannya, mahkamah mendapati defendan tidak boleh menafikan hak plaintif untuk menuntut hutang dengan menimbulkan alasan pentadbir khas telah dilantik bagi plaintiff (lihat ms 212B, E).] B C

[English summary

The plaintiff was a stock broker company ('the company') and a member of the Kuala Lumpur Stock Exchange and the defendant was its client. Through a letter of offer and an agreement, the plaintiff agreed to give the defendant limited marginal trading facilities at the sum of RM18m ('the facilities'). The plaintiff then filed this action and claimed that the defendant had breached the terms and conditions of the facilities, ie the defendant had failed and/or neglected to repay the outstanding sum of money payable under the terms of the facilities and also failed to manage the accounts satisfactorily. The defendant entered conditional appearance and applied to the court for an order that the writ of summons filed by the plaintiff be set aside in accordance with O 12 r 7 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'). The defendant's application relied on the reason that the plaintiff had no authority to commence the action in the writ of summons because the plaintiff company was taken over by the special administrator under ss 24, 31, 32 and 33 of the Pengurusan Danaharta Nasional Berhad Act 1998 ('the Act'), and that the writ of summons did not comply with the RHC. The question before the court was whether there were any basis to the objections raised by the defendant. D E F G

Held:

(1) The court perused the provisions of the Act and could not find any provision that prevented the plaintiff from bringing an action against its debtors even though a special administrator had already been appointed for it (see p 211H). H

(2) Although a special administrator had already been appointed under the Act for the company, the company's existence was not affected and thus it was not prevented from bringing an action in law to collect its debts. Its board of directors could was also functioning as usual, subject by s 33 of the Act. What was clear was that the company was still a legal entity and was not prevented I

A from taking any legal action against its debtors (see p 212A–B); *BSN Merchant Bank Bhd v George a/l Thomas* [2000] 3 MLJ 191 followed.

(3) The issue of whether or not the company was required to secure the approval of the special administrator before filing its writ of B summons to recover its debts was an internal issue and was unrelated to the defendant. The purpose of appointing the special administrator was to manage the company with its debt problems. In conclusion, the court held that the defendant could not deny the plaintiff's right to recover its debts on the ground merely because special administrator had been appointed for the plaintiff C (see p 212B, E).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tindakan guaman oleh syarikat, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan- D perenggan 734–742.

Kes-kes yang dirujuk

BSN Merchant Bank Bhd v George a/l Thomas [2000] 3 MLJ 191 (diikuti) E

Newhart Developments Ltd v Co-operative Commercial Bank Ltd [1978] 1 QB 814 (dirujuk)

Tudor Grange Holdings Ltd v Citibank NA [1992] Ch 53 (dirujuk)

F **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 s 73(2)(a)

Akta Pengurusan Dana Harta Nasional Bhd 1998 ss 2, 3, 21, 22, 24, 25, 29(2), 30, 31, 32, 33, 41(1)

Akta Syarikat 1965

G Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 6 k 3(1)(a), A 12 k 7

Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Rakyat Merchant Bankers Bhd) (Pengambilalihan Kawalan) 1994

Cheah Tien Eu (*Suhaimi Khor Zulkifli & Chang*) bagi pihak plaintif.

Yu Meng Queng (*Tan Yu & Co*) bagi pihak defendan.

H

Mohd Ghazali H: Plaintif adalah sebuah syarikat broker saham dan ahli Bursa Saham Kuala Lumpur dan defendan merupakan pelanggan plaintif. Melalui satu surat tawaran bertarikh 1 Januari 1997 dan satu perjanjian bertarikh 2 Januari 1997 ('perjanjian tersebut') plaintif bersetuju untuk memberi kepada defendan kemudahan berniaga margin yang terhad kepada I jumlah RM18j tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam surat tawaran dan perjanjian tersebut. Di bawah perjanjian tersebut adalah dipersetujui, antara lain, bahawa:

(a) defendan mesti membayar kepada plaintif dengan serta merta keseluruhan jumlah wang yang terhutang dan kena dibayar, termasuk apa-apa faedah yang dikenakan dan harus dibayar;

(b) defendan bersetuju untuk membayar faedah pada kadar 13% setahun yang dikira secara harian ke atas jumlah yang terhutang dari masa ke semasa dan plaintif mempunyai hak muktamad pada budi bicaranya untuk meminda kadar faedah dari masa ke semasa;

(c) jika defendan gagal membayar mana-mana jumlah yang kena dibayar, defendan hendaklah membayar faedah penalti ke atas jumlah tertunggak dari tarikh keingkaran hingga tarikh pembayaran pada kadar 2% setahun;

(d) defendan hendaklah pada setiap masa mengendalikan akaunnya dengan memuaskan dalam had yang telah diluluskan.

Pada 1 Mac 1999, plaintif telah memfailkan tindakan ini dan menuntut defendan telah memungkiri terma dan syarat perjanjian tersebut, iaitu defendan gagal dan/atau cuai untuk menyelesaikan jumlah yang terhutang dan kena dibayar di bawah perjanjian tersebut, dan di samping itu gagal mengendalikan akaunnya dengan memuaskan. Dalam tindakan ini, plaintif memohon penghakiman terhadap defendan untuk:

(i) jumlah RM9,199,765.40 setakat 7 Januari 1999;

(ii) faedah pada kadar 15% setahun, termasuk faedah penalti, yang dikira secara harian mulai dari 8 Januari 1999 hingga tarikh penyelesaian penuh dan muktamad;

(iii) kos atas dasar peguamcara-pelanggan.

Pada 19 April 1999, defendan telah memasuki kehadiran bersyarat setelah memperoleh kebenaran mahkamah dan berikutnya pada 24 April 1999, memfailkan saman dalam kamar (lampiran 8) dan memohon perintah bahawa writ saman yang difailkan oleh plaintif diketepikan menurut A 12 k 7 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Dalam permohonannya, defendan telah bersandar ke atas alasan bahawa plaintif 'tidak berkuasa dan layak untuk membuat dan memulakan tuntutan sebagai yang dinyatakan dalam writ saman dan pernyataan tuntutan oleh sebab pihak plaintif telah diambil oleh pentadbir khas mengikut ss 24, 31, 32 dan 33 Akta Pengurusan Dana Harta Nasional Bhd 1998 ('Akta tersebut'), dan bahawa writ saman 'tidak mematuhi KMT tersebut dalam pengindorsan'. Aturan 12 k 7 KMT tersebut berbunyi:

> (1) Seseorang defendan dalam sesuatu tindakan boleh pada bila-bila masa sebelum memasukkan kehadiran di dalamnya, atau, jika dia telah memasukkan kehadiran bersyarat, dalam tempoh 14 hari selepas memasukkan kehadiran itu, memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah mengenepikan writ atau penyampaian writ itu, ...
>
> (2) Permohonan di bawah kaedah ini mestilah dibuat melalui saman.

Dalam perenggan 3 kepada afidavitnya bagi menyokong permohonannya, defendan, antara lain, menyatakan seperti berikut:

A Saya diberi nasihat dan kepercayaan bahawa plaintif tidak berkuasa dan layak berdakwa dan memulakan writ dan pernyataan terhadap saya oleh sebab plaintif telah diambil alih oleh pentadbir khas mengikut ss 24, 31, 32 dan 33 Akta Pengurusan Dana Harta Nasional Bhd 1998.

Defendan telah mengepilkan satu salinan surat bertarikh 12 Februari 1999 B daripada PricewaterhouseCoopers, sebuah firma akauntan awam yang dialamatkan kepada plaintif yang berbunyi:

NOTICE OF APPOINTMENT OF SPECIAL ADMINISTRATORS OF HALIM SECURITIES SDN BHD ('the Company') (Co No: 107442–X)

Dear Sirs,

C We wish to advise you that pursuant to s 24 of the Pengurusan Danaharta Nasional Bhd Act 1998, we were appointed as the special administrators of the company on 12 February 1999.

(Signed)
Special administrator
Chan Yim Fun

D Dalam perenggan 4 afidavitnya defendan menyata:

Saya juga dinasihati oleh peguamcara saya bahawa writ saman pihak plaintif tidak mematuhi Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dalam pengindorsan.

E Pada 14 Januari 2000, penolong kanan pendaftar telah menolak dengan kos permohonan defendan, dan terhadap keputusan itu defendan telah merayu kepada hakim dalam kamar. Pada 24 Oktober 2000, saya telah menolak rayuan defendan, dan terhadap keputusan itu defendan telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

Di peringkat rayuan di hadapan saya, peguam defendan menjelaskan F beliau membuat permohonannya mendasarkan A 12 k 7 KMT tersebut. Beliau menyatakan pentadbir khas di bawah Akta tersebut telah dilantik bagi plaintif pada 12 Februari 1999, dan writ saman pula telah difailkan pada 1 Mac 1999. Berdasarkan demikian, beliau mendesak menurut ss 31, 32 dan 33 Akta tersebut, plaintif tidak mempunyai kuasa untuk memulakan tindakan ini. Beliau juga mendakwa plaintif tidak mematuhi A 6 k 3(1)(a) G KMT tersebut. A 6 k 3(1)(a) KMT tersebut berbunyi:

Sebelum sesuatu writ dikeluarkan ia mestilah diindorskan:

(a) jika plaintif mendakwa atas sifat wakil dengan pernyataan tentang sifatnya dia mendakwa;...

H Soalan yang berhadapan dengan saya adalah sama ada pertikaian yang ditimbulkan oleh defendan berasas. Akta tersebut telah berkuatkuasa pada 1 September 1998 dan mukadimah kepada Akta tersebut berbunyi:

Suatu Akta untuk mengadakan undang-undang khas bagi pemerolehan, pengurusan, pembiayaan dan pelupusan aset dan tanggungan oleh Perbadanan, pelantikan pentadbir khas dengan kuasa untuk mentadbir dan I mengurus orang-orang yang aset atau tanggungannya telah diperoleh oleh Perbadanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya.

Seksyen 3 Akta tersebut memperuntukkan perbadanan, iaitu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan nama 'Pengurusan Danaharta Nasional Bhd' hendaklah mempunyai objektif utama untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat pengurusan aset dan memperoleh, mengurus, membiayai dan melupuskan aset dan tanggungan. Syarikat itu yang dirujuk dalam Akta tersebut sebagai 'Perbadanan' diberi kuasa yang luas oleh Akta tersebut. Tujuan utama Akta tersebut adalah untuk membantu institusi kewangan dengan mengalihkan aset yang berkurangan nilainya, untuk membantu sektor perniagaan dengan berurusan secara segera dengan perusahaan-perusahaan yang mengalami masalah kewangan dan untuk menggalakkan pencergasan semula ekonomi negara dengan menyuntik kecairan ke dalam sistem kewangan, dan matlamat sedemikian hendaklah dicapai melalui pemerolehan, pengurusan, pembiayaan dan pelupusan aset dan tanggungan.

Seksyen 22 Akta tersebut menubuhkan suatu jawatankuasa bernama 'Jawatankuasa Selia' yang mana fungsinya, antara lain, adalah untuk meluluskan pelantikan pentadbir khas di bawah s 24 Akta tersebut. Seksyen 24 Akta tersebut memperuntukkan, tertakluk kepada s 25 Akta tersebut, Perbadanan boleh mengesyorkan kepada Jawatankuasa Selia untuk melantik seorang pentadbir khas bagi 'orang terjejas' jika Perbadanan berpuas hati bahawa 'orang terjejas' itu:

(a) tidak dapat atau mungkin tidak dapat membayar hutangnya; atau

(b) tidak dapat atau mungkin tidak dapat menunaikan kewajipannya terhadap pemiutangnya.

Seksyen 21 Akta tersebut mentafsirkan apa yang dimaksud sebagai 'orang terjejas', iaitu:

> 'orang terjejas' ertinya:
>
> (a) mana-mana syarikat yang mempunyai tugas atau kewajipan di bawah suatu kemudahan kredit kepada Perbadanan atau mana-mana subsidiari Perbadanan, sama ada pada masa sekarang atau masa hadapan, atau sama ada terletak hak atau kontinjen; atau
>
> (b) suatu subsidiari syarikat yang disebut dalam perenggan (a) yang menyediakan cagaran bagi pelaksanaan atau penunaian tugas atau kewajipan syarikat itu; atau
>
> (c) suatu subsidiari syarikat yang disebut dalam perenggan (a) yang modal syernya telah digadaikan, disandarkan atau digadaijanjikan oleh syarikat itu untuk menjamin pelaksanaan atau penunaian tugas atau kewajipan syarikat itu.

Seksyen 25 Akta tersebut memperuntukkan kriteria bagi pelantikan pentadbir khas. Dalam kes ini, tidak dipertikaikan plaintif merupakan 'orang terjejas' seperti dimaksudkan oleh Akta tersebut. Seksyen 30 Akta tersebut memperuntukkan pentadbir khas hendaklah mempunyai kuasa yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta tersebut dan kuasa-kuasa yang dinyatakan dalam jadual itu, antara lain, adalah:

> 1 Kuasa untuk membuat semua benda (termasuk melaksanakan kerja) sebagaimana perlu bagi pengurusan dan merealisasikan aset dan hal ehwal orang terjejas.

A 4 Kuasa untuk mengambil milikan, mengutip dan mendapat aset orang terjejas dan bagi maksud itu, untuk mengambil apa-apa prosiding yang dianggapnya suaimanfaat.

8 Kuasa untuk membawa atau membela apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang yang lain atas nama dan bagi pihak orang terjejas.

B Defendan telah membuat pertikaian bahawa menurut ss 31, 32 dan 33 Akta tersebut, plaintif tidak mempunyai kuasa untuk memulakan tindakan ini. Seksyen-seksyen itu adalah seperti berikut:

(i) s 31 Akta tersebut memperuntukkan tugas am pentadbir khas dan ianya termasuk mengambil ke dalam jagaannya atau di bawah C kawalannya, semua aset yang kepadanya orang terjejas adalah berhak atau tampak berhak;

(ii) s 32 Akta tersebut memperuntukkan pentadbir khas hendaklah, dalam mentadbirkan orang terjejas, disifatkan sebagai ejen orang terjejas itu;

(iii) s 33 Akta tersebut pula memperuntukkan: D

(1) Tiada seseorang pun, termasuk lembaga pengarah orang terjejas, selain pentadbir khas, boleh melaksanakan atau menjalankan atau berupa sebagai melaksanakan atau menjalankan sesuatu fungsi sebagai pegawai orang terjejas, kecuali dengan kelulusan bertulis terdahulu daripada pentadbir khas.

E (2) Bagi maksud sub-s (1) pentadbir khas adalah berhak untuk menjalankan segala fungsi lembaga pengarah orang terjejas.

Seksyen 41(1) Akta tersebut memperuntukkan kesan pelantikan pentadbir khas, iaitu, apabila pentadbir khas dilantik, suatu moratorium selama 12 bulan hendaklah berkuat kuasa yang dalam tempoh itu, antara lain:

F (d) tiada langkah boleh diambil:

(i) untuk mewujudkan, menyempurnakan atau menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa aset orang terjejas;

(ii) untuk menguatkuasakan suatu penghakiman ke atas apa-apa aset orang terjejas;

G (iii) untuk memiliki semula apa-apa aset dalam milikan, jagaan atau kawalan orang terjejas; atau

(iv) untuk menolak apa-apa hutang yang terhutang kepada orang terjejas berkenaan dengan apa-apa tuntutan terhadap orang terjejas itu;

kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu Perbadanan:

H (e) tiada prosiding dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang lain boleh dimulakan atau diteruskan, dan tiada distres boleh dilevikan terhadap orang terjejas atau aset-asetnya kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu Perbadanan;

(f) tiada prosiding dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang lain I boleh dimulakan atau diteruskan, terhadap mana-mana orang yang menyediakan jaminan atau yang bertindak sebagai penjamin bagi tanggungan orang terjejas kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu Perbadanan.

Seperti yang dikatakan tadi, defendan telah membuat pertikaian menurut ss 31, 32 dan 33 Akta tersebut. Plaintif tidak mempunyai kuasa untuk memulakan tindakan ini. Bagi menyokong pendiriannya, peguam defendan telah merujuk kepada kes *Newhart Developments Ltd v Co-operative Commercial Bank Ltd* [1978] 1 QB 814 dan kes *Tudor Grange Holdings Ltd v Citibank NA* [1992] Ch 53. Dalam kes *Newhart Developments Ltd,* plaintif yang merupakan sebuah syarikat di bawah penerimaan, telah menerbitkan writ dan menuntut ganti rugi berasaskan kemungkiran kontrak terhadap defendan, sebuah bank yang merupakan pihak yang melantik penerima itu bagi plaintif mendasarkan satu debentur. Defendan telah pohon writ itu diketepikan berasaskan tindakan telah dimulakan tanpa kebenaran penerima itu, yang mana adalah pihak yang berhak memulakan tindakan. Chapman J telah mengenepikan writ itu. Di peringkat rayuan, Shaw LJ telah mengakaskan keputusan Chapman J. Beliau memutuskan plaintif berhak membawa tindakan itu tanpa kebenaran penerima itu. Di ms 819 kes itu, Shaw LJ berkata:

> One has got to see what the function of the receiver is. It is not, of course, to wind up the company. It is perhaps interesting to note in passing that when a liquidator is appointed, certainly in a winding up by the court, the powers of the directors immediately cease by statutory provision. There is no such provision in relation to the appointment of a receiver, whose duty it is to protect the interests of the mortgagee or debenture holders, as the case may be. In so far as it is requisite and necessary for him, in the course of his dealing with the assets of the company, bringing them in and realising them, and so on, to bring actions as well, he is empowered to do so by the debenture trust deed in the name of the company. That makes it possible for him to institute such proceedings without exposing himself to the risk of a liability for costs if those proceedings should fail. But the provisions in the debenture trust deed giving him that power is an enabling provision which invests him with the capacity to bring an action in the name of the company. It does not divest the directors of the company of their power, as the governing body of the company, of instituting proceedings in a situation where so doing does not in any way impinge prejudicially upon the position of the debenture holders by threatening or imperilling the assets which are subject to the charge.

Dalam kes *Tudor Grange Holdings Ltd* pula, defendan, sebuah bank, telah melantik penerima untuk plaintif. Tanpa kebenaran penerima itu, plaintif telah memulakan tindakan terhadap defendan, iaitu bank itu untuk ganti rugi. Dalam membatalkan tindakan plaintif, Sir Nicholas Browne-Wilkinson VC memutuskan memandangkan kausa tindakan merupakan harta syarikat plaintif yang tertakluk kepada hak-hak penerima, pengarah-pengarah syarikat plaintif tidak mempunyai kuasa untuk mengendalikan tindakan undang-undang bagi pihak syarikat itu dalam ketiadaan mana-mana indemniti yang melindungi aset syarikat jika kos diawardkan terhadap pengarah-pengarah plaintif itu. Dalam alasan penghakimannya, Sir Nicholas Browne-Wilkinson VC telah merujuk kepada kes *Newhart Developments Ltd* dan membandingkannya. Beliau berkata (di ms 63):

> However, whatever may be the fate of the *Newhart* decision in the future, I am undoubtedly bound by it now and must follow it where it exactly covers the point in issue. It does not directly cover the present case. Unlike the position

A in the *Newhart* case, when the directors of the plaintiff companies decided to start proceedings in the name of the company they were starting proceedings which could directly impinge on the property subject to the receiver's powers in that they held no indemnity against the liability of the companies' assets to satisfy a hostile order for costs made against the companies. That brings this case outside both the decision and the reasoning in the *Newhart* case since, B unlike the *Newhart* case, the receiver's position was prejudiced by the decision taken. In my judgment, the directors had no power to start the proceedings in those circumstances.

Pihak defendan tidak menjelaskan, selain daripada ss 31, 32 dan 33 Akta tersebut, di bawah peruntukkan mana dalam Akta tersebut beliau bersandar C dakwaannya bahawa plaintif tidak mempunyai kuasa untuk memulakan tindakan oleh kerana pentadbir khas telah dilantik baginya. Pihak defendan juga tidak menjelaskan di mana wujudnya peruntukkan dalam Akta tersebut bahawa plaintif perlu mendakwa atas sifat wakil apabila pentadbir khas dilantik baginya. Saya juga tidak memahami kenapa peguam defendan membuat rujukan kepada kes *Newhart Developments Ltd* dan kes *Tudor* D *Grange Holdings Ltd*. Pada saya, kes-kes itu tidak relevan memandangkan isu yang dipertikaikan dalamnya adalah mengenai kuasa syarikat dalam penerimaan vis-a-vis penerima yang dilantik baginya yang mana adalah berbeza dengan kuasa orang terjejas, iaitu, syarikat di mana pentadbir khas telah dilantik di bawah Akta tersebut, vis-a-vis pentadbir khas. Di samping itu, fakta-fakta yang terdapat di dalam kes-kes itu amat berbeza dengan kes E di hadapan kita ini. Di dalam kes-kes itu, pihak yang dijadikan defendan adalah bank yang merupakan pihak yang melantik penerima itu bagi plaintif dan isu yang timbul ialah sama ada plaintif boleh memulakan tindakan terhadap bank-bank itu tanpa izin penerima yang telah dilantik bagi mereka oleh bank-bank itu.

F Walaupun ada kemungkinan bahawa pihak defendan membuat rujukan kepada kes-kes itu dengan tujuan untuk menyamakan pentadbir khas dengan seorang penerima, saya berpendapat bahawa fakta-fakta yang terdapat dalam kes-kes itu sangat berbeza dengan kes di hadapan saya ini. Dalam tindakan ini, kes plaintif terhadap defendan ialah defendan, seorang yang bernama Tan Sri Dato' Tan Kok Ping berhutang dengan plaintif, sebuah syarikat G broker saham setelah mengalami kerugian dalam akaun berniaga marginnya. Defendan telah enggan membayar hutang itu yang berjumlah, menurut plaintif, RM9,199,765.40 setakat 7 Januari 1999, dan menimbulkan pertikaian plaintif tidak mempunyai kuasa untuk menuntut hutang itu kerana pentadbir khas di bawah Akta tersebut telah dilantik bagi plaintif.

H Saya telah meneliti peruntukan Akta tersebut seperti dirujuk di atas dan tidak dapat mengesan peruntukan manakah di bawah Akta yang menghalang plaintif membawa tindakan terhadap penghutangnya walaupun pentadbir khas telah dilantik baginya. Seksyen 41 Akta tersebut memperuntukkan suatu moratorium hendaklah berkuatkuasa selama 12 bulan apabila pentadbir khas dilantik, iaitu, mana-mana pihak tidak I boleh mengambil atau meneruskan tindakan undang-undang terhadap orang terjejas ke atas asetnya kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu Perbadanan.

Pada bacaan saya, walaupun pentadbir khas telah dilantik di bawah Akta bagi sesuatu syarikat, syarikat itu masih wujud dan tidak dihalang daripada membawa tindakan undang-undang untuk mengutip hutangnya. Lembaga pengarahnya juga boleh berfungsi seperti biasa tertakluk kepada s 33 Akta tersebut. Apa yang jelas ialah syarikat itu masih merupakan entiti undang-undang dan tidak dihalang oleh Akta tersebut daripada mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutangnya. Isu sama ada syarikat itu perlu mendapat kebenaran pentadbir khas sebelum memfailkan writ saman untuk menuntut hutangnya adalah isu dalaman dan tidak berkaitan langsung dengan defendan. Seksyen 32 Akta tersebut memperuntukkan pentadbir khas hendaklah, dalam mentadbir orang terjejas, disifatkan sebagai ejen orang terjejas. Di samping itu, pentadbir khas juga ada kuasa seperti terdapat di perenggan-perenggan 4 dan 8 dalam Jadual Kedua kepada Akta tersebut untuk, antara lain, mengambil apa-apa prosiding yang dianggapnya suaimanfaat untuk mengutip dan mendapat aset syarikat itu, dan membawa apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang atas nama dan bagi pihak syarikat itu. Moratorium yang diberi oleh s 41 Akta tersebut melindungi syarikat itu daripada tindakan undang-undang, termasuk untuk menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa aset syarikat itu atau untuk menguatkuasakan suatu penghakiman ke atas apa-apa aset syarikat itu. Mana-mana pihak yang bercadang berbuat demikian hendaklah mendapat kebenaran bertulis terdahulu Perbadanan. Moratorium itu tidak langsung ada kaitan dengan atau menyelubungi pihak yang berhutang dengan syarikat itu. Tujuan pentadbir khas dilantik adalah untuk menguruskan syarikat itu yang mengidap masalah pinjaman. Kesimpulannya, dalam kes di hadapan saya ini, saya mendapat defendan tidak boleh menafi hak plaintif untuk menuntut hutang dengan menimbulkan alasan pentadbir khas telah dilantik bagi plaintif.

Bagi menyokong hujahnya mengenai kedudukan plaintif sebagai entiti undang-undang yang masih wujud, dan oleh itu mempunyai locus standi untuk membawa tindakan ini, peguam plaintif ada membuat rujukan kepada kes *BSN Merchant Bank Bhd v George a/l Thomas* [2000] 3 MLJ 191. Di dalam kes itu, responden merupakan seorang penggerenti kepada satu pinjaman yang diberi oleh Rakyat Merchant Bankers Bhd ('RMBB'). RMBB telah memulakan tindakan terhadap penghutang prinsipal dan juga responden selaku penggerenti. Perayu telah mengambil alih tindakan tersebut berikutan satu perintah letakhak yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, di mana segala aset dan liabiliti RMBB, termasuk hak RMBB untuk menyambung tindakan di mana-mana mahkamah di mana RMBB merupakan satu pihak, diletakkan di bawah perayu. Responden telah memohon untuk membatalkan tindakan tersebut dan telah mempertikaikan bahawa:

(a) RMBB tidak mempunyai hak di dalam undang-undang ataupun locus standi untuk memfailkan dan/atau meneruskan tindakan tersebut;

(b) tindakan tersebut adalah satu penyalahgunaan proses dan akibatnya, peguamcara RMBB tiada kuasa dalam undang-undang untuk terus mewakili RMBB.

Permohonan responden dalam kes itu dibuat berdasarkan fakta bahawa RMBB adalah insolven pada tarikh tindakan difailkan kerana Bank Negara Malaysia telah mengambil alih kuasa semua hartanah, perniagaan dan urusan RMBB menurut Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Rakyat Merchant Bankers Bhd) (Pengambilalihan Kawalan) 1994 ('Perintah 1994') yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah s 73(2)(a) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989. Responden turut mengatakan bahawa RMBB telah dibuang daripada daftar oleh pendaftar syarikat, dan juga bahawa lesen operasinya telah ditarik balik oleh Bank Negara Malaysia.

Di peringkat rayuan, Siti Norma Yaakob HMR (Yang Arif pada masa itu) telah memutuskan, antara lain, bahawa perintah 1994 itu tidak menghapuskan RMBB sebagai satu entiti, dan ia juga tidak memberi atau meletakkan sebarang hak milik atau kepentingan ke atas hartanah yang didaftar di bawah nama RMBB kepada Bank Negara Malaysia. Sebaliknya, perintah 1994 tersebut hanya memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengambil alih kawalan ke atas hartanah, perniagaan dan urusan RMBB, dan untuk meneruskan perniagaan dan urusan demikian sehingga ia diambil alih oleh perayu berikutan pemberian perintah letak hak, kerana RMBB tidak mampu dari segi kewangan untuk menguruskan urusannya. Walau bagaimanapun, RMBB masih wujud sebagai satu entiti undang-undang walaupun ia tidak lagi mempunyai kawalan atau pengurusan ke atas perniagaan dan urusannya. Siti Norma Yaakob HMR juga memutuskan bahawa sebarang kausa tindakan yang terakru kepada RMBB tidak diambil alih atau diserahkan kepada Bank Negara Malaysia dan bahawa RMBB mempunyai kausa tindakan yang sah terhadap responden.

Saya mendapati walaupun undang-undang yang terlibat dalam kes *BSN Merchant Bank Bhd* itu berbeza dengan kes di hadapan saya ini, keputusan Siti Norma Yaakob HMR bahawa RMBB masih wujud sebagai entiti undang-undang walaupun pihak itu tidak lagi mempunyai kawalan atau pengurusan ke atas perniagaan dan urusannya adalah juga terpakai kepada kes ini.

Pihak defendan telah juga mempertikaikan bahawa plaintif tidak berhak memulakan prosiding di bawah namanya sendiri tanpa pengindorsan dalam writ samannya yang menunjuk pentadbir khas telah dilantik seperti diperuntukkan di bawah A 6 k 3(1)(a) KMT tersebut. Mengenai pertikaian ini, peguam plaintif dalam hujahnya telah merujuk kepada tafsiran tentang perkataan 'tuntutan' seperti terdapat dalam s 2 Akta tersebut yang mana adalah seperti berikut:

> 'tuntutan' ertinya apa-apa tuntutan, pembelaan, tuntutan balas, tolakan, ekuiti, tindakan, prosiding undang-undang atau kepentingan ekuiti dalam apa-apa bentuk yang berhubungan dengan atau berbangkit daripada sesuatu aset oleh penanggung kewajipan atau mana-mana pihak ketiga terhadap penjual atau berkenaan dengan aset itu, sama ada yang terletak hak atau kontinjen, pada masa sekarang atau pada masa hadapan.

Berikutnya, peguam plaintif telah merujuk kepada s 29(2) Akta tersebut yang berbunyi:

> Tiap-tiap invois, pesanan untuk barang atau perkhidmatan, surat urusan, cek, nota kredit atau surat cara boleh niaga atau bil muatan yang, selepas pelantikan pentadbir khas berhubungan dengan orang terjejas, dikeluarkan oleh atau bagi pihak orang terjejas atau pentadbir khas, iaitu dokumen yang padanya atau dalamnya tertera nama orang terjejas, hendaklah mengandungi perkataan 'pentadbir khas dilantik' atau perkataan yang seumpamanya.

Peguam plaintif berhujah bahawa Akta tersebut tidak menyatakan pengindorsan sedemikian perlu dibuat kepada writ saman dan sebagainya. Beliau menegaskan perkataan 'tuntutan' tidak terdapat dalam s 29(2) Akta tersebut dan ini membawa erti tidak ada keperluan bagi perkataan 'pentadbir khas dilantik' diindorskan dalam writ saman.

Mengenai pertikaian ini, saya mendapati tidak ada keperluan di bawah Akta tersebut, ataupun KMT tersebut, untuk memerlukan plaintif mengindorskan perkataan 'pentadbir khas dilantik' dalam writ samannya. Aturan 6 k 3(1)(a) KMT tersebut memperuntukkan sebelum sesuatu writ dikeluarkan ia mestilah diindorskan jika plaintif mendakwa atas sifat wakil, dengan pernyataan tentang sifatnya dia mendakwa. Dalam kes ini, pada pendapat saya, plaintif tidak mendakwa atas sifat wakil dan oleh itu, A 6 k 3(1)(a) KMT tersebut tidak terpakai baginya. Di samping itu, saya juga mendapat s 29(2) Akta tersebut tidak terpakai bagi suratcara berkaitan dengan prosiding undang-undang. Seksyen 29(2) Akta tersebut hanya memerlukan pengindorsan sedemikian dibuat dalam invois, pesanan barangan atau perkhidmatan, surat-menyurat perniagaan, nota kredit atau suratcara boleh niaga atau bil barangan yang diterbit oleh orang terjejas setelah berlakunya perlantikan pentadbir khas.

Kesimpulannya, saya mendapati bahawa walaupun pentadbir khas telah dilantik bagi plaintif, plaintif masih kekal sebagai entiti undang-undang, dan oleh itu tidak disekat daripada menuntut hutangnya dan berikutnya, membawa tindakan undang-undang ini terhadap defendan. Berdasarkan demikian, saya telah menolak rayuan defendan dengan kos.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Wong Siok Chin